

ILMU SEBAGAI PRA-SYARAT DALAM MEMPERKUKUTKAN IDENTITI MELAYU-MUSLIM DI ERA GLOBALISASI

Jaffary Awang

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 47600 Bangi, Selangor

Abstrak: Ilmu pengetahuan merupakan asas utama dalam membentuk identiti Melayu-Muslim. Ini kelihatan lebih mendesak di era globalisasi kini. Ramai kalangan pemikir di Malaysia yang merasa khawatir terhadap keupayaan masyarakat Melayu untuk menghadapi cabaran yang kian menggugat dan membimbangkan. Ini kerana fenomena kini khususnya di kalangan remaja menuntut kepada satu pendekatan yang komprehensif dalam menyediakan masyarakat Melayu bagi menghadapi sebarang persoalan semasa. Dalam hubungan ini penulis berkeyakinan bahawa masyarakat Melayu berupaya untuk menghadapi apa juga permasalahan sekiranya mereka mempunyai kekuatan peribadi yang berasaskan kepada sumber ilmu yang jelas dan kompeten. Untuk itu kertas kerja ini akan membincangkan perkara tersebut dalam tiga bahagian iaitu pertama penulis berhujah bahawa masyarakat Melayu perlu mempunyai gambaran yang jelas mengenai sesuatu persoalan berasaskan kepada sumber ilmu yang jelas dan dipercayai. Dalam lain, perkataan epistemologi yang jelas menjadi prasyarat utama dalam membina karakter diri dan peraiikiran yang sihat. Seterusnya kertas ini akan membincangkan beberapa permasalahan yang sedang dihadapi oleh kalangan masyarakat Melayu khususnya yang berkait langsung mengenai kecelaruan konsep epistemologi hingga menyebabkan timbulnya pelbagai tafsiran yang mengelirakan masyarakat. Sementara bahagian akhir, kertas kerja ini merumuskan bahawa kekuatan sumber ilmu dalam membina jati diri muslim perlulah berasaskan kepada nilai-nilai Islam yang menjadi elemen terpenting di kalangan masyarakat Melayu-Muslim.

Kata kunci: Ilmu, Identiti, Globalisasi, Melayu

PENDAHULUAN

Asas kepada pembentukan diri individu adalah ilmu pengetahuan. Proses pembinaan ilmu ini diperolehi samada secara formal atau informal. Pengetahuan merupakan aspek terpenting dalam pembinaan syakhshiah individu yang akhirnya mencorak pola kehidupan masyarakat. Melalui proses ini pula membentuk satu budaya atau tamadun bagi sesuatu bangsa. Ini bererti sumbangan ilmu pengetahuan terhadap perkembangan dan pembangunan sesuatu bangsa merupakan sesuatu yang amat penting. Kepentingan ilmu ini kelihatan menjadi semakin penting kepada masyarakat apabila mendepani arus globalisasi.

Dalam hubungan ini masyarakat Melayu tidak terkecuali daripada melalui proses ini. Era globalisasi tidak hanya bersifat ekonomi akan tetapi juga mempengaruhi minda dan corak kehidupan seharian. Fenomena ini menuntut kepada satu proses persediaan yang cukup terancang khususnya dari aspek pembinaan ilmu dalam diri dan masyarakat. Untuk membincangkan isu ini, analisis ini akan memfokuskan kepada konsep ilmu, bagaimana ilmu dapat mempengaruhi pembentukan jati diri dan mengangkat martabat masyarakat Melayu khususnya dalam menghadapi era globalisasi.

Konsep Ilmu Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Identiti

Dalam konteks Islam, ilmu tidak sekadat untuk menjelaskan apa yang perlu dilakukan dan apa yang tidak. Akan tetapi perkara yang lebih utama ialah melalui ilmu tersebut manusia dapat mengenali Penciptanya dan akhirnya mengetahui keperluannya sebagai seorang Muslim. Oleh yang demikianlah, mengapa konsep dan pengertian ilmu dalam Islam begitu berkait rapat dengan persoalan nilai yang perlu dihayati dan dipraktikkan oleh seseorang individu. Sehubungan dengan itu, pengertian ilmu seperti yang dikemukakan oleh Prof. Naguib al-Attas boleh dijadikan asas kepada perbincangan selanjutnya. Beliau menyebut, merujuk kepada Allah sebagai asal segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu [16].

Kenyataan ini memberi erti bahawa sumber utama ilmu dalam pengertian Islam adalah Allah swt. Ini menunjukkan bahawa dalam mendalami ilmu pengetahuan maka seharusnya seseorang individu itu menjadi semakin hampir kepada Allah swt. Ilmu di sini tidak hanya merujuk kepada ilmu yang berkait langsung dengan Allah swt seperti ilmu Tauhid, ilmu Fekah dan seumpamanya. Akan tetapi merujuk kepada semua ilmu selagi ianya tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Walaupun umumnya ilmu dalam pengertian biasa sering diklasifikasikan sebagai ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah, namun seperti yang dijelaskan oleh Wan Mohd. Nor, bahawa pembahagian ini tidak sepatutnya merujuk kepada dualisme ilmu. Sebaliknya pembahagian tersebut perlu diibarat dari sudut keupayaan dan pengkhususan terhadap sesuatu bidang. Ini bagi meraikan kebolehan dan keupayaan seseorang dalam bidang ilmu, kerana tidak semua orang berupaya untuk menguasai ilmu yang luas. [16]

Ilmu kepada seseorang muslim juga membawa pengertian bahawa ianya menjelaskan sesuatu yang masih kabur. Bukan menimbulkan sebarang kemusykilan hingga tidak memungkinkan kepada satu pertemuan. Oleh yang demikianlah apabila dilihat kepada definisi Islamisasi ilmu seperti yang pernah dikemukakan oleh M.N.al-Attas beliau menegaskan bahawa "Islamisasi adalah pembebasan manusia, pertama dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh sekularisme." [8]

Kenyataan di atas menepati tagasan utama manusia di dunia ini iaitu sebagai khalifah. Manusia dianggap sebagai khalifah di atas muka bumi kerana tanggungjawab utama adalah untuk memakmurkan alam ini agar selaras dengan kehendak Allah swt. Ini juga berkait rapat dengan anugerah yang ada pada manusia iaitu akal. Justeru dengan akallah menyebabkan manusia dibezakan dari makhluk yang lain. Bagi memperlihatkan kehebatan itu, maka Allah swt telah memerintahkan nabi Adam a.s agar memaklumkan kepada para malaikat segala yang terdapat di alam ini. Sekaligus memperlihatkan pengiktirafan Allah swt terhadap kurniaan akal kepada manusia. Bersesuaian dengan itulah maka umat manusia perlu patuh dan tunduk kepada perintah Allah swt.

Ilmu Membentuk Identiti

Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang individu akan mempengaruhi pemikiran dan corak kehidupannya. Sejarah telah banyak merakamkan bagaimana pengetahuan yang diolah dengan baik hasil dari pengalaman dan kehidupan mampu membentuk pemikiran baru sejajar dengan kehendak penggubalnya. Dalam konteks Malaysia umpamanya, kedatangan pihak penjajah bukan sekadar untuk mendapatkan bahan-bahan mentah yang lebih bersifat ekonomi. Akan tetapi yang lebih utama ialah untuk menguasai minda masyarakat tempatan. Penelitian yang dibuat oleh Syamsul dalam konteks Malaysia menyebut, [12].

- Menguasai bahasa masyarakat pribumi bagi memudahkan komunikasi antara kalangan penjajah dengan pihak yang dijajah demi melaksanakan sistem perundangan terhadap masyarakat tersebut.
- Mengumpul maklumat mengenai kehidupan sosial masyarakat dan alam sekitar demi mendapat maklumat terperinci berhubung tingkahlaku masyarakat setempat
- Mendapat bahan secara statistik melalui bentuk bancian. Bertujuan untuk mengetahui pola-pola masyarakat setempat.
- Maklumat yang diperolehi disimpan dan dipamerkan bagi memperkenalkan pola masyarakat tersebut kepada kalangan yang berminat.
- Membentuk sistem pengintipan dan perisikan agar keselamatan pihak dijajah terjamin melalui pengenalan sistem cap jari, kad pengenalan atau lain-lain bentuk.
- Membina kepustakaan berbentuk historiografi untuk dijadikan bahan pengajaran yang diperturunkan kepada masyarakat yang dijajah.

Persoalan di atas memperlihatkan bagaimana pentingnya memahami minda dan identiti sesuatu masyarakat. Untuk mengenali secara lebih dekat dan sistematik maka kajian perlu terlebih dahulu dilakukan. Ini bererti bahawa untuk mengenali dan membentuk suatu identiti maka ilmu yang berkaitan dengan masyarakat, nilai kehidupan serta aspek-aspek adat setempat perlu diteliti dan diselidiki. Ini bererti bahawa ilmu yang berkaitan perlu dikuasai bagi membina identiti. Malah tidak keterlaluan dikatakan kemudiannya pihak penjajah Barat juga yang membina imej Melayu berasaskan kepada teks-teks yang dibaca serta dikaji di kalangan pengkaji. Inilah yang dijelaskan oleh Fernandez seba

“...British presence in the Malay Peninsula which saw a reconstitution of the Malay according to their colonial knowledge and it is these definitions that have reconstructed Malayness.” [5]

Kekuatan yang ada dalam kehidupan masyarakat Melayu adalah Islam. Faktor ini perlu diperkuat agar jatidiri Melayu menjadi semakin mampan serta berdaya saing. Kekuatan ini terbukti dalam sejarah Melayu, apabila tradisi keilmuan dihidupkan maka mereka mampu mempertahankan agama dan budaya dari dipengaruhi oleh pihak penjajah Barat. [14] Demikian juga sejarah merakamkan bagaimana kebangkitan menentang pihak penjajah oleh masyarakat Melayu adalah diketuai oleh para ilmunan dan tokoh-tokoh ilmunan. Umpamanya kebangkitan Tok Janggut menentang pihak British adalah satu lambang bagaimana tokoh ilmunan yang memimpin kebangkitan rakyat demi membebaskan tanahair dari gangguan pihak Barat. Ini juga merupakan jatidiri yang membentuk identiti Melayu yang berjaya dibangunkan oleh kalangan pemikir Melayu. Demikian juga Syed al-Hadi yang melambangkan sebagai pencetus pemikiran baru Melayu berusaha mengkritik pemikiran yang dianggap sebagai tidak relevan dengan masyarakat Melayu ketika itu. Sebaliknya cuba menganjurkan satu fahaman baru yang bertolak dari asas ilmu. Demikianlah beberapa contoh bagaimana dalam sejarah Melayu, kalangan ilmunan mempelopori kebangkitan serta kesedaran rakyat ke arah satu pembaharuan.

Secara umum proses pembentukan identiti sesuatu bangsa atau individu melalui proses sosialisasi. Ini kerana melalui proses ini individu terbabit akan membentuk hubungan dan ini akan memberi kesan yang besar terhadap pembentukan pola kehidupan selanjutnya. (Aishah, 1999:154) Oleh yang demikianlah persoalan pembentukan identiti dilihat sebagai “...a social identity as the identity of the collective gives meaning to the individual.” [5] Meskipun proses ini kelihatan semacam berlaku tanpa dirancang iaitu melalui perhubungan seharian, namun disebalik perlakuan tersebut adalah proses ilmu. Ini bererti ilmu yang dimiliki oleh seseorang individu tersebut akan banyak mempengaruhi corak kehidupannya.

Dalam konteks sejarah tamadun ilmu umat Islam, diperlihatkan kesungguhan dan kegigihan para pemikir dan ulamak untuk menyelesaikan permasalahan yang dikemukakan kepada mereka. Umpamanya kisah Abu Rayhan al-Biruni yang diberitakan dalam keadaan sakit tenat tetapi masih ingin menyelesaikan satu permasalahan ilmu yang dikemukakan kepada beliau. Walaupun dinasihatkan oleh temannya agar dilupakan sahaja justeru keadaan beliau yang begitu tenat ketika itu, namun beliau menjelaskan bahawa tidak ingin meninggalkan alam ini dalam keadaan jahil mengenai masalah tersebut. [16] Ini merupakan salah satu contoh bagaimana kekayaan alam dan penghayatan terhadap nilai ilmu menyebabkan al-Biruni merasa bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ilmu meskipun keadaan beliau yang begitu kritikal ketika itu.

Semangat sebegini seharusnya mencorakkan watak masyarakat Melayu dalam mendepani arus globalisasi. Era ini berkehendakkan kekuatan mental dan peribadi agar semua maklumat serta nilai yang dibawa bersama globalisasi dapat dihadapi dengan baik. Justeru itu masyarakat Melayu perlu benar-benar memahami konsep serta ciri globalisasi agar memudahkan mereka merangka strategi dalam konteks pembinaan identiti diri.

Apa Itu Globalisasi?

Secara umumnya isu globalisasi ini mula dicanangkan apabila saja jatuhnya “Berlin Wall” pada tahun 1989. Semenjak itu dunia tidak lagi didominasi oleh dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union. Sebaliknya dunia hanya dikuasai oleh pengaruh Amerika yang lebih dikenali sebagai “unipolar”. [10] Walau bagaimanapun istilah ini didefinisikan dalam pelbagai pengertian. Ini mungkin bagi menggambarkan keunikan globalisasi itu sendiri terhadap kehidupan umat manusia.

Dari sudut ekonomi globalisasi diertikan sebagai “...proses globalisasi ini dimanifestasikan seperti dalam bentuk penyusunan semula pengeluaran mengikut ruang, perluasan pasaran kewangan, pemindahan keluar industri ke sebuah negara lain dan penghijrahan tenaga kerja.” [11]

Globalisasi juga merujuk kepada perluasan ruang lingkup aktiviti manusia khususnya berkaitan dengan hal ehwal ekonomi, industri dan perdagangan dan perkembangan teknologi maklumat. Berasaskan kepada inilah mengapa sebahagiannya menganggap bahawa globalisasi telah menghapuskan sempadan negara-negara hingga menjadikan dunia seolah-olah dalam unit yang kecil. Ini dikaitkan secara langsung dengan perkembangan teknologi elektronik kini yang memungkinkan perhubungan antara satu dengan yang lain begitu pantas. [7] [4]

Tidak terkecuali yang melihat globalisasi sebagai satu bentuk strategi pihak Barat bagi melancarkan semacam penjajahan baru yang berasaskan kepada elemen ekonomi. Di samping turut melebar luaskan faktor ideologi. Ini bererti bahawa globalisasi tidak hanya bermotifkan ekonomi malah turut menyalurkan bentuk ideologi baru kepada dunia hingga mampu merubah struktur kehidupan sesebuah masyarakat. [15] Atas asas tersebutlah juga terdapat setengahnya berpendapat bahawa globalisasi tidak ubah seperti satu bentuk order baru dunia selepas kejatuhan blok komunis. [2]

Daripada huraian ringkas itu menjelaskan bahawa globalisasi memberi kesan yang besar terhadap corak kehidupan sesebuah masyarakat termasuk masyarakat Melayu. Bermula dari bentuk ekonomi yang akan lebih kompetitif dan persaingan yang hebat hingga kepada pola kehidupan masyarakat setempat. Keadaan ini perlu dilihat oleh masyarakat Melayu sebagai satu bentuk cabaran yang perlu ditangani secara bijaksana.

PERBINCANGAN

Cabaran Masyarakat Melayu Semasa

Permasalahan yang dihadapi oleh kalangan masyarakat Melayu kini tidak semestinya bermula semenjak dunia menghadapi era globalisasi. Namun sebahagian dari permasalahan yang sedang dihadapi telah bermula kesekian lama dan berlanjutan hingga kini. Sekiranya permasalahan tersebut dilihat dari sudut positif, maka gejala-gejala yang dihadapi kini sepatutnya menyedarkan masyarakat Melayu terhadap kedudukan identiti dirinya sebagai seorang Muslim. Untuk itu, perbincangan di sini hanya akan memfokuskan permasalahan kepada pembentukan pemikiran kreatif, kemampuan menyaring maklumat, memperkasa ilmu keislaman dan berfikir secara saintifik.

i. Pembentukan Pemikiran Kreatif

Untuk menghadapi cabaran di era yang kian mencabar ini, masyarakat Melayu perlu dibentuk pemikiran mereka agar bersifat kreatif. Dalam soal ini agama tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan lemahnya pemikiran umat Melayu. Akan tetapi Islamlah yang telah merubah minda Melayu kepada yang lebih progresif. Banyak catatan-catatan yang memperlihatkan daya kreativiti pemikir Islam hasil kegigihan mereka mengkaji dan menganalisa fenomena yang berlaku hasil semangat dan kefahaman Islam. Umpamanya Ibn Khaldun yang terkenal dengan kitabnya *Muqaddimah*, berjaya mengadunkan daya kreativiti, sejarah dan epistemologi Islam dalam menganalisis perkembangan masyarakat. [6]

Dalam konteks Islam, umpamanya *ijtihad* merupakan salah satu bentuk metodologi penggunaan akal yang kreatif. [9] Melalui proses *ijtihad* sesuatu masalah dilihat dari berbagai aspek sebelum sesuatu keputusan dibuat. Analisis dilakukan dengan mengambilkira faktor sebab dan akibat. Selanjutnya permasalahan semasa yang berlaku akan dibandingkan dengan peristiwa yang telah berlaku di zaman Rasulullah saw dan sahabat bagi memastikan agar keputusan yang bakal dilakukan tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Al-Quran dan Hadis merupakan asas yang membekalkan segala prinsip dalam menyelesaikan sebarang permasalahan.

Yang menarik untuk direnung dalam proses *ijtihad* ini adalah daya kreativiti dan metodologi untuk menghasilkan sesuatu rumusan. Atas asas itulah Al-Amidi mendefinisikan *ijtihad* sebagai “sepenuh usaha dan tenaga yang diberikan oleh seseorang untuk sampai kepada status hukum di mana seseorang itu merasai (dalam dirinya sendiri) bahawa beliau tidak berupaya lagi untuk berusaha lebih dari itu.” [1] Sayugia amalan pemikiran begini dianalisis kesesuaiannya untuk diperaktikkan dengan teori-teori semasa. Asas kepada pendekatan ini adalah untuk menjadikan masyarakat Melayu sebagai pemikir yang kreatif.

Ini penting bagi menghapuskan sikap mengikut secara membuta tuli terhadap apa yang tiba samada dari Barat atau Timur. Oleh yang demikianlah para sarjana Islam berusaha menyedarkan umat melalui pendedahan kelemahan umat Islam khususnya dalam bidang keilmuan di samping mengemukakan saranan-saranan agar umat Islam mengambil tindakan-tindakan yang proaktif.

Gesaan ini dapat diteliti dari pernyataan Naguib apabila membincangkan kesan budaya Barat dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan. Menurutinya:

...we must see that infiltration of key concepts from the Western world has brought confusion which will ultimately cause grave consequences if left unchecked. Since what is formulated and disseminated in and through universities and other institutions of learning from the lower to the higher levels is in fact knowledge infused with the character and personality of Western culture and civilization. (Naguib, 1978: 155)

Dengan demikian beliau selanjutnya mencadangkan agar di peringkat pusat pengajian tinggi diperkenalkan kursus perbandingan agama dengan tujuan untuk mendedahkan kepada para pelajar mengenai kekuatan dan kelebihan sesuatu tamadun serta budaya. Jelasnya,

...new courses on comparative religion from the Islamic point of view, on Western culture and civilization, must be designed as a means for Muslims to understand the culture and civilization that has been and is and will continue to be confronting Islam. (Naguib, 1978: 157)

Berasaskan kepada kenyataan tersebut memperlihatkan bahawa pengetahuan yang tepat berasaskan kepada sumber serta kaedah yang mantap mampu melahirkan masyarakat yang berfikiran kreatif dan analitikal. Malah dalam konteks semasa kini, masyarakat Melayu khususnya amat memerlukan satu bentuk pemikiran yang analisis kritikal. Asas utama kepada pembentukan tersebut adalah melalui sistem pendidikan semenjak dari sekolah rendah hingga kepada pusat pengajian tinggi.

Jika dilihat pada fungsi pendidikan dalam membentuk jatidiri seseorang barangkali wajar diteliti rumusan Shipman ketika menganalisis peranan institusi pendidikan. Menurut beliau [13] sekurang-kurangnya terdapat tiga peranan utama pendidikan iaitu sosialisasi, persekolahan dan pendidikan. Soialisasi merujuk kepada proses penerapan nilai-nilai yang dipersetujui terhadap kalangan kanak-kanak atau para pelajar. Sementara persekolahan merupakan satu proses menyediakan para pelajar tadi dengan pengetahuan yang sesuai dengan kehendak pasaran atau guna tenaga. Terakhir pendidikan yang dilihat sebagai satu kaedah bagi menyediakan golongan terpelajar yang akan meneruskan agenda pemodenan.

Dalam konteks keilmuan, ketiga-tiga proses tersebut adalah penting bagi pembinaan generasi Melayu terpelajar. Malah menjadi semakin terdesak dalam era globalisasi yang membuatkan para pelajar saban waktu terdedah dengan maklumat terkini.

i) Kemampuan Menyaring Maklumat

Elemen kedua yang diperlukan oleh kalangan masyarakat Melayu ialah kemampuan untuk menyaring sebarang maklumat yang diperolehi samada melalui media cetak, ataupun media elektronik. Pelbagai saranan dikemukakan oleh kalangan pemikir Melayu dulu dan kini dalam menghadapi ancaman ini. Namun asas utama yang perlu adalah kekuatan ilmu yang berteraskan kepada nilai-nilai Islam. Justeru itu, kalangan masyarakat Melayu perlu dipersiapkan dengan pengetahuan yang secukupnya mengenai Islam di samping ilmu-ilmu lain.

ii) Memperkasa Ilmu Keislaman

Dalam membina jatidiri Melayu, tidak dapat tidak pengetahuan Islam yang lengkap adalah sesuatu yang amat diperlukan. Malah ilmu mengenai Islam jika disampaikan dengan baik akan menghasilkan golongan pemikir yang cemerlang. Penjelasan di atas jelas memperlihatkan bagaimana golongan pemikir Muslim yang terdidik dengan ilmu Islam yang sempurna mampu melahirkan pemikiran yang kreatif dan jitu. Ramai pengkaji khususnya berhubung dengan perkembangan pendidikan Islam, berkeyakinan bahawa para pelajar yang mantap ilmu serta pengetahuan agamanya akan muncul sebagai pemikir yang ulung. Azyumardi Azra umpamanya mendapati pengajaran ilmu Islam yang sistematik dapat membentuk jiwa serta pemikiran yang baik. Dalam hubungan ini beliau merumuskan beberapa pra-syarat yang perlu difikirkan agar pendidikan Islam mampu menghasilkan para pelajar yang berkeترampilan. Rumusan beliau iaitu: (Azyumardi Azra, 2000: 33- 34)

Pertama, sistem pendidikan perlu mendokong dan memperluaskan skop wawasan nasional dalam membina watak dan peribadi pelajar; Kedua, membentuk dan menyediakan kurikulum yang berupaya melahirkan kepimpinan yang bersifat moden dan inovatif; Ketiga, sistem pendidikan Islam seharusnya mampu menyediakan para pelajar yang berkebolehan dan berketrampilan dalam aspek tenaga kerja. Ini bererti pendidikan Islam tidak hanya berperanan sebagai agen "memindahkan" ilmu sebaliknya perlu menyediakan tenaga kerja yang mahir dan berketrampilan. Keempat, pendidikan Islam perlu bersifat akomodatif dan bertindak sebagai penggerak kepada pembaharuan sosial; Kelima, bertindak sebagai pencetus budaya baru dalam masyarakat di samping mengekalkan budaya yang positif dalam kerangka pembinaan sosial.

iv. *Membentuk Imej Islam Yang Harmonis*

Imej Islam dan umat Islam sentiasa dilabelkan sebagai negatif dan ekstrem. Peristiwa 11 September 2001 umpamanya dianggap sebagai mercu tanda keganasan yang ditaja oleh kalangan ekstremis Islam. Pihak Amerika menjaja seluruh dunia bagi membenarkan justifikasinya bahawa kejadian tersebut adalah didalangi oleh pihak ekstremis Islam, meskipun hingga kini tiada bukti yang konkrit berhubung dengan kejadian tersebut. Apa pun juga peristiwa yang menimpa umat Islam, adalah menjadi tanggungjawab umat Islam Melayu di Malaysia untuk berusaha memartabatkan imej dan kedudukan umat Islam. Hakikat ini dapat dilaksanakan dengan jayanya jika umat Melayu Islam di Malaysia berusaha melalui medan ilmu pengetahuan sebagai salah satu pendekatan bagi memulihkan imej yang sentiasa dicabar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

v. *Berfikir Secara Sainifik*

Yang lebih utama, ilmu dapat mencetuskan idea-idea baru kepada masyarakat. Ini kerana melalui proses pembacaan, kita seolah-olah sedang berinteraksi dengan pengarang. Perkongsian idea antara pembaca dengan pengarang sebenar telah berlaku. Walaupun tidak dinafikan bahawa akan terdapat sebahagian daripada pandangan pengarang mungkin saja tidak disenangi oleh khalayak pembaca, namun ianya tidak akan menjejaskan proses peningkatan mutu pemikiran masyarakat.

Banyak kajian telah dilakukan oleh para penganalisis memperlihatkan bahawa melalui pembacaan berlaku apa yang disebut sebagai pemikiran kreatif. Dalam konteks pemikir Islam dapat dilihat Imam Syafie umpamanya telah menghafal al-Quran semenjak berusia tujuh tahun. Ketika usianya mencecah sepuluh tahun, beliau telah menghafal kitab fekah karya Imam Malek. [16] Kekuatan ini tidak syak lagi adalah bertolak dari kekuatan membaca, menghafal dan menganalisis. Oleh yang demikianlah ketika beliau berusia 15 tahun beliau dikatakan telah layak untuk mengeluarkan fatwa. [3]

Ini memberi erti bahawa melalui penghayatan budaya ilmu yang menekankan aspek pembacaan, pemikiran, penaakulan, penganalisan, renungan dan perbincangan mampu mencorak pemikiran yang kreatif. Jika ini bernaya dihayati oleh kalangan masyarakat Melayu pada semua peringkat, khususnya kalangan ahli politik, pensyarah, guru, para pentadbir, murid-murid sekolah dan pelajar di institusi pengajian tinggi, maka tidak mustahil basrat untuk mencapai masyarakat Malaysia yang mempunyai pemikiran bertahap dunia akan tercapai.

Bagaimana Peranan Ilmu Dalam Membentuk Identiti Melayu?

Jika diawal tadi perbincangan menyentuh secara umum peranan ilmu dalam pembentukan identiti, dalam bahagian ini cuba melihat secara khusus bagaimana kemungkinan ilmu mampu mencorak pemikiran dan sikap Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu perlu bijak mengurus permasalahan berasaskan kepada kekuatan ilmu. Ini kerana ilmu yang diperolehi serta diolah dengan betul, akan memberi kekuatan kepada pembaca dan masyarakat cari sudut memperkukuhkan sikap dan pemikiran yang sedia ada ataupun untuk merubahnya mengikut pendekatan yang telah dijelaskan dalam buku-buku yang dibaca jika didapati dapat memberi kebaikan. Secara umumnya pembacaan dapat membentuk sifat-sifat beriktu yang mejadi sebahagian daripada elemen-elemen penting dalam pembentukan jati diri, iaitu:

i. *“Openness”*

Sikap “openness” merupakan salah satu sifat yang dapat membentuk peribadi seseorang. Mereka yang mempunyai sifat ini lebih senang didekati oleh orang lain. Sifat ini sebagai tapak awal bagi seseorang itu untuk memulakan siri perbincangan. Lazimnya mereka yang mempunyai sifat ini sentiasa mempunyai motivasi tinggi. Untuk menghasilkan sifat ini, maka prosesnya adalah melalui pembacaan.

Banyak contoh-contoh yang telah dipamerkan oleh kalangan ulamak-ulamak Islam silam yang memperlihatkan sifat keterbukaan ini. Unpamanya, Imam Syafii yang meninggal pada tahun 819 Masihi dan Imam Abu Hanifah yang berguru dengan Imam Malik bin Anas, mempamerkan sifat hormat dalam semangat keilmuan. Ini kerana meskipun mereka sudah mencapai tahap keilmuan yang tinggi namun masih bersedia untuk mendengar perbincangan dan kuliah dari tokoh lain. [16]

ii. *“Creative”*

Umat Melayu di Malaysia kini perlu menampilkan watak dan pemikiran yang hebat sejajar dengan cita-cita untuk mencapai tahap negara maju menjelang 2020. Dengan demikian mereka perlu diperlengkapkan dengan persediaan yang baik berasaskan kepada tunjang ilmu pengetahuan. Hanya melalui penguasaan ilmu yang mantap sahaja mereka berupaya berdepan dengan segala cabaran. Salah satu prasyarat untuk membentuk masyarakat yang bertaraf dunia adalah pembentukan minda yang kreatif. Minda ini tidak akan terbentuk secara spontan akan tetapi ianya melalui proses yang berterusan khususnya dari sudut pembinaan ilmu pengetahuan.

Pembinaan minda yang kreatif di kalangan masyarakat Melayu perlu didckong dengan beberapa ciri berikut:

- Pendedahan ilmu pengetahuan yang bertaraf dunia bermula di peringkat rendah hingga ke peringkat pusat pengajian tinggi.
- Memanfaatkan pengetahuan teknologi maklumat sejajar dengan identiti Malaysia.
- Kepimpinan yang terbuka dan sentiasa bersedia berbincang dalam semua keadaan tanpa mengira latarbelakang.

Ini lah yang pernah dinyatakan oleh Wan Mohd Nor ketika membincangkan persoalan pembudayaan ilmu di Malaysia. Menurut beliau,

“Para pemimpin masyarakat dari tahap paling atas ke tahap paling rendah hendaklah mengadakan perbincangan ilmiah tentang berbagai-bagai isu seperti agama, politik, ekonomi, akhlak, falsafah, sains... dalam suasana yang tidak rasmi tetapi bermakna.” [16]

Sekiranya kerjasama yang baik antara pemikir dengan pemerintah maka ianya akan membuahkan sesuatu yang baik. Meminjam kata-kata Prof. Allan Bloom dalam konteks perbincangannya berhubung dengan sumbangan ahli sains terhadap kemunculan Era Enlightenment menyebut,

“...freedom could be won only if the rulers believed that the scientists were not a threat to them.” (Allan Bloom, 1987: 257)

Ini bererti bahawa sekiranya negara ingin melihat kemunculan tenaga pemikir di kalangan warga Melayu yang berani dan berketarmpilan maka hambatan-hambatan yang terlalu bersifat “perundangan” wajar dikurangkan. Suasana ini bukannya bererti untuk mengkesampingkan keperluan kepada pembatasan serta kawalan pemikiran, akan tetapi dalam konteks peningkatan daya fikir maka perkara-perkara yang kadang-kadang menjadi semacam “bayangan” wajar difikirkan semula.

iii. *“Bermotivasi”*

Di samping itu masyarakat Melayu juga perlu sentiasa mempunyai semangat yang tinggi dalam apa juga keadaan. Semangat ini perlu dipupuk semenjak kecil lagi agar masyarakat Melayu mampu berdaya saing dengan masyarakat lain. Mempunyai semangat yang tinggi ini akan menjadikan masyarakat Melayu dihormati serta disegani. Wibawa sebegini seharusnya diperlihatkan dari kalangan para pemimpin pada semua peringkat.

Ini kerana untuk menjadi maju dan setanding dengan masyarakat maju, motivasi yang tinggi di samping persediaan lain memang menjadi syarat utama.

Contoh-contoh yang pernah di lalui oleh kalangan pemikir silam baik dari kalangan pemikir Muslim ataupun lain-lainnya, wajar didedahkan kepada masyarakat Melayu pada semua peringkat. Ini kerana melalui pendedahan sebegini, akan mendorong masyarakat untuk turut mencontohi apa yang pernah dicapai oleh kalangan pemikir. Seminar-seminar yang secara khusus untuk mendedahkan pencapaian yang dicapai oleh kalangan pemikir wajar sering diadakan pada semua peringkat bidang.

Keperluan untuk membentuk motivasi tinggi tidak hanya tertumpu di peringkat institusi pendidikan, malah tidak kurang pentingnya adalah di kalangan para penjawat kerja dalam apa bidang sekalipun. Sementara program motivasi tidak seharusnya sekadar tertumpu kepada persoalan untuk menghasilkan produk yang baik, akan tetapi yang lebih penting adalah memupuk nilai-nilai positif khasnya nilai-nilai Islam.

iv. *“Inquisitive”*

Sifat ini mempunyai kaitan secara langsung dengan sifat ingin mengkaji dan menyelidik. Di era globalisasi ini, sifat demikian amat diperlukan. Ini kerana masyarakat tidak selamanya dapat bergantung kepada orang lain sebaliknya merekalah sendiri yang menjadi pemutus dalam segala hal. Sekiranya sifat ini tiada dalam jiwa umat Islam sudah pasti mereka tidak akan mencapai apa yang diperolehi kini dan apa yang telah dilalui oleh umat Islam lalu.

v. *“Budaya Menyelidik”*

Sejajar dengan sifat “inquisitive” adalah sifat “menyelidik”. Sekiranya masyarakat Melayu berjaya dibentuk pemikiran dan gaya berkerja maka tidak mustahil mereka akan menghayati budaya menyelidik. Harus diingat bahawa budaya menyelidik tidak seharusnya sekadar di lakukan pada peringkat institusi pendidikan dan penyelidikan. Malah budaya ini sepatutnya turut diamalkan di kalangan para pentadbir dan ahli politik. Perkenalan konsep “smart partnership” yang lebih memfokuskan kepada perkongsian kepakaran merupakan salah pendekatan terbaik dalam membudayakan elemen penyelidikan.

Sumbangan bidang penyelidikan terhadap pembanguna sebuah negara merupakan sesuatu yang penting dan besar. Ini jelas jikla dibuat perbandingan antara dana penyelidikan di kalangan negara maju dan nnegara membangun. Ini kerana melalui penyelidikan, akan terhasil sesuatu perkara yang baru dan yang sudah pasti dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas memperlihatkan bahawa keperluan kepada tahap penghayatan budaya ilmu yang tinggi adalah penting di kalangan masyarakat Melayu. Melalui pengisian ilmu mereka akan menjadi lebih kreatif dan berdaya saing. Justeru identiti Melayu sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran semasa khususnya di era globalisasi. Walau bagaimana pun umat Melayu diyakini mampu berdepan dengan apa juga cabaran sekiranya mereka mempunyai minda yang sihat berasaskan kepada kefahaman Islam yang mantap. Ini kerana asas kepaahaman Islam merupakan prasyarat kepada keutuhan dan kekuatan Melayu.

RUJUKAN

1. Al-Amidi, 1914. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Jil.4. Kaherah.
2. Amiruddin Sadali, 1999. "Peranan ekonomi Islam dalam era globalisasi". dalam N.Mustapha Hj N.Hassan, Sh. Mohd. Saifuddeen Sh. Mohd Salleh & Famiza Ibrahim (pnyt). *Globalisasi peranan ekonomi dan kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. hlm. 173-199.
3. Anwar Ahmad Qadri, 1981. *Islamic Jurisprudence in the Modern World*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
4. Chee Peng Lim, 1997. "Ekonomi ASEAN, globalisasi dan perdagangan bebas". *Pemikir*, (Oktober-Disember): 140-150.
5. Fernandez, Callistus, 1999. "Colonial Knowledge, Invention and Reinvention of Malay Identity in Pre-Independence Malaya: A Retrospect", *Akademika*, 55 (Julai), hlm: 39-60.
6. Ibn Khaldun, 1980. *The Muqaddimah An Introduction to History Ibn Khaldun*, Cet. Ke-2. Terj. F.Rosenthal. New Jersey: Princeton University Press.
7. Ismail Awang, 1999. "Peranan ekonomi Islam dalam era globalisasi". dalam N.Mustapha Hj. N.Hassan, Sh. Mohd. Saifuddeen Sh. Mohd Salleh & Famiza Ibrahim (pnyt). *Globalisasi: peranan ekonomi dan kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. hlm. 141-171.
8. M.N.al-Attas, 1978. *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
9. Mohd Daud Bakar, 1999. "Hukum Islam Antara Prinsip Shari'ah Dan Perbendaharaan Fiqh" dalam Abdul Karim ali dan RaibanaH Hj. Azahari (pnyt.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 13-46.
10. Mohd. Hazim Shah, 2000. "Globalisation: Its Philosophical and Sociological Presuppositions". *Akademika*, 56 (Januari), hlm. 65-83.
11. Rahimah Abdul Aziz, 2000. "Globalisasi dalam Era Pembangunan: Pengalaman Malaysia". dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail (pnyt). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 19-37.
12. Shamsul Amri Baharuddin, 2000. "'Hulu Kolonial' dan Pembinaan 'Fakta' mengenai Malaysia", dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail (pnyt). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 189-201.
13. Shipman, M.D., 1972. *Education and Modernization*, London: Faber.
14. Siddiq Fadil, 1992. *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
15. Sidek Baba, 1998. "Mengukuhkan umatisasi untuk menghadapi globalisasi". *Berita Harian Online*, 7 Januari. <http://members.tripod.com/0/kbr198/Berita/umatisasibh7jan98.html> (12 November 1999)
16. Wan Mohd Nor Wan Daud, 1991. *Penjelasan Budaya Pnu*, Kuala Lumpur: DBP.